

AS-SALIHIN TRUSTEE BERHAD
PRODUK PERANCANGAN HARTA PUSAKA – PRI-EMAS

Tarikh:

[Tarikh hendaklah dilengkapkan oleh Staf Jualan]

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK (PDS)

Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Produk Perancangan Harta Pusaka-Pri-Emas as-Salihin Trustee Berhad. Pastikan anda juga membaca terma-tarma dan syarat-syarat produk ini. Dapatkan penerangan daripada kami sekiranya anda tidak memahami sebarang bahagian daripada dokumen ini atau terma umum berkaitan.

1. Apakah produk ini?

Produk ini menawarkan kepada seseorang individu semasa hayatnya melantik as-Salihin Trustee Berhad sebagai Pemegang Amanah dan Wakil untuk menguruskan dana amanah bagi pihaknya ketika berlaku ketidakupayaan kepada dirinya.

Pri-Emas memfokuskan untuk menjaga kepentingan Setlor dalam menguruskan perbelanjaan hariannya, kos perubatannya, kecemasan dan lain-lain sebelum Setlor kembali sihat atau meninggal dunia.

2. Apakah Kontrak Syariah yang terpakai?

- i. Wakalah : satu kontrak agensi yang mana bank bertindak sebagai agen yang menawarkan produk Pri-Emas.
- i. Amanah - as-Salihin akan bertindak sebagai pemegang amanah dan memegang serta memindahmilik aset hibah mengikut terma-tarma dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam surat ikatan amanah.

3. Apakah jenis aset yang boleh dimasukkan dalam Pri-Emas?

- i. Akaun simpanan dan pelaburan di institusi kewangan.
- ii. Polisi Takaful.

4. Apakah manfaat/faedah yang saya boleh perolehi daripada Pri-Emas?

- i. Memastikan pengaliran wang tunai berterusan walaupun berlaku ketidakupayaan kepada Setlor untuk mengakses akaunnya.
- ii. Membenarkan Setlor mengawal penggunaan dana amanah ketika berlaku ketidakupayaan kepadanya.
- iii. Membenarkan Setlor mengutamakan penggunaan dana amanah selepas kematiannya.
- iv. Mengelakkan penyalahgunaan dana amanah, dana amanah akan diuruskan mengikut arahan Setlor.

5. Berapakah kos membuat Pri-Emas?

Bayaran minimum adalah sebanyak RM1,000.00 dan sebanyak RM250 dikenakan sebagai yuran proses.

6. Fi Pembatalan (pada peringkat draf)

RM1,000.00 akan dicaj sekiranya dokumen (draft) telah dikeluarkan

7. Siapa yang boleh menjadi benefisiari dalam Pri-Emas?

Setlor dan tanggungannya (seperti anak-anak).

8. Apakah terdapat risiko?

Terdapat kemungkinan wang tidak mencukupi untuk ditadbir ketika berlaku sesuatu kepada Setlor.

9. Bolehkan saya meminda atau membatalkan Pri-Emas?

Semasa hidup Setlor boleh meminda kandungan Pri-Emas atau membatalkan Pri-Emasnya pada bila-bila masa.

10. Sekiranya Setlor meninggal dunia, apakah yang akan terjadi kepada baki dana amanah?

Baki (sekiranya ada) akan menjadi harta pusaka Setlor dan akan diagihkan mengikut undang-undang Perwarisan Islam.

11. Di mana boleh saya dapatkan maklumat selanjutnya?

Sekiranya pihak anda mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan Pri-Emas, sila hubungi:

Bank Muamalat Malaysia Berhad